

Hubungan Di Antara Konsep Kendiri Dan Kesejahteraan Hidup Di Kalangan Remaja Akhir

Johari Bin Hassan & Pusphavalli A/P Rajoo

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Memahami konsep kendiri dan kesejahteraan hidup remaja bekerja dan remaja belajar adalah penting. Pembinaan konsep kendiri yang positif akan memberi ketenangan dalam hidup malah kesejahteraan hidup adalah satu keadaan emosi yang dapat mempengaruhi corak hidup individu. Kajian ini bertujuan mengenalpasti perhubungan di antara konsep kendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja dalam lingkungan umur 18-22 tahun. Kajian ini juga ingin meninjau sama ada terdapat perbezaan konsep kendiri dan kesejahteraan hidup dari segi jantina dan etnik yang berlainan. Kajian ini dijalankan di dua tempat yang berlainan iaitu di kampus induk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan kawasan perusahaan di Senai. Responden kajian ini terdiri daripada 120 orang remaja iaitu 60 orang pelajar UTM dan 60 orang pekerja kilang. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik Skala Penilaian Konsep Kendiri Pasao (SPKKP) dan Kesejahteraan hidup pula diukur dengan soal selidik yang diubahsuakan dari kajian Linn dan McGranahan (1980). Data kajian dianalisis secara deskriptif dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Sosial Sciences (SPSS) Versi 14.0 . Kaedah statistik inferensi seperti ujian t dan Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap konsep kendiri dan tahap kesejahteraan hidup remaja akhir adalah tinggi. Hasil kajian menyatakan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara konsep kendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja akhir. Didapati juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep kendiri dan kesejahteraan hidup di antara status remaja, jantina dan etnik yang berbeza. Namun, terdapat perbezaan kesejahteraan hidup yang signifikan di antara remaja bekerja dan remaja belajar. Implikasi kajian ini adalah supaya pihak tertentu boleh membantu mendirikan konsep kendiri yang positif di kalangan remaja supaya melahirkan golongan bakal pemimpin dan penggerak pembangunan negara.

Katakunci : hubungan, konsep kendiri, kesejahteraan hidup

Pengenalan

Dalam pusingan hidup manusia remaja kerap merujuk kepada waktu transisi daripada alam kanak-kanak kepada zaman dewasa. Dalam tempoh yang kompleks ini, seseorang manusia akan mengalami perubahan yang pesat seperti perubahan pada diri, perubahan fizikal, perubahan mental, percubaan interaksi sosial dalam hidup dan sebagainya (Mahmood Nazar Mohamed, 1990).

Golongan remaja kebanyakannya merupakan mereka yang masih di bangku sekolah, serta juga mereka yang sudah keluar dari alam persekolahan yang sama ada sedang bekerja di pelbagai sektor atau yang sedang menganggur.

Banyak kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji apakah itu konsep kendiri dan peranan konsep kendiri. Walaupun terdapat perbezaan dalam mendefinisikan konsep kendiri, ahli-ahli teori sependapat bahawa konsep kendiri adalah penting dalam pembentukan kehidupan seseorang individu. Saranan ahli-ahli psikologi humanistik seperti Combs (1949), Rogers (1951), Kelly (1955) bahawa konsep kendiri boleh mempengaruhi pentafsiran individu terhadap

duniannya dan ia amat mempengaruhi penyesuaian diri, mencerminkan penegasan yang diberi kepada peranan konsep sendiri dalam hidup (dalam Maznah Ismail & Susie See. 1991).

Rogers (1951) berpendapat konsep sendiri mempunyai unsur-unsur seperti pengamatan mengenai kebolehan dan sifat sendiri, pengamatan dan hubungan dengan orang lain, persekitaran, nilai-nilai dan kualiti yang berhubungan dengan pengalaman dan matlamat, idea serta objek yang bersifat afektif dan aspek-aspek emosi. Manakala kepuasan hidup pula merujuk kepada aspek-aspek pertimbangan kognitif. Ia adalah berlainan dengan kegembiraan yang merujuk kepada emosi positif dan kesedihan sebagai emosi yang negatif.

Pernyataan Masalah

Sehingga hari ini, pengkaji-pengkaji tempatan masih kurang memberikan perhatian kepada remaja bekerja. Golongan ini seolah-olah telah diabaikan. Jadi kajian ini adalah penting membuat kajian ke atas remaja bekerja supaya dapat memahami tingkah laku mereka. Ini adalah kerana menurut ahli-ahli psikologi, konsep sendiri bagi setiap individu adalah berbeza-beza bergantung kepada pengalaman yang dialami dan juga masyarakat di sekeliling mereka. Dengan itu barulah pengkaji dapat melihat sama ada terdapat perbezaan konsep sendiri di antara remaja bekerja dan remaja belajar.

Menurut kajian Baum (1968) (dalam Wong, 1992), pelajar lelaki mempunyai konsep sendiri yang lebih rendah daripada pelajar perempuan. Sebaliknya Campbell (1965) dan Beldsoe (1967) (dalam Purkey, 1970) menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai konsep sendiri yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Rogers (1977) pula berpendapat perubahan konsep sendiri juga bergantung kepada jantina dan latar belakang budaya seseorang. Dari sinilah pengkaji berminat untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan konsep sendiri di antara lelaki dan perempuan. Kajian Healey dan De Blasiee (1977) juga menunjukkan terdapat perbezaan konsep sendiri di antara etnik yang berlainan. Jadi pengkaji juga ingin mengetahui sama ada benar atau tidak kenyataan tersebut.

Baru-baru ini, perasaan terhadap kehidupan seseorang atau kesejahteraan hidup telah menarik perhatian ramai ahli sains sosial dan ahli sains tingkah laku. Wood, Rhodes dan Whelan (1989) telah mengkaji perbezaan jantina terhadap kesejahteraan hidup. Hasil kajian mereka mendapati perempuan adalah lebih gembira dan puas dengan kehidupan berbanding remaja lelaki. Tetapi kajian Neto (1993) mendapati remaja lelaki adalah lebih puas dengan kehidupan berbanding dengan remaja perempuan. Clemente dan Sauer (1976) pula menunjukkan ras adalah penting untuk meramal kepuasan hidup. Oleh yang demikian pengkaji ingin mengetahui sama ada kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh mereka benar atau tidak dalam konteks tempatan. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat perbezaan kesejahteraan hidup di antara jantina dan etnik yang berlainan serta membuat perbandingan kesejahteraan hidup di antara remaja bekerja dan remaja belajar.

Hubungan kesejahteraan hidup terutama kepuasan hidup dengan faktor-faktor psikologi yang lain telah banyak dibincangkan pada masa kini. Sebagai contoh, Andrew dan Withey, Campbell, Catrill (dalam Leung & Leung , 1992) mengatakan kepuasan hidup adalah berhubungan dengan pembolehubah demografi seperti umur, jantina, status, pekerjaan, pendidikan dan status perkahwinan. Selain dari itu beberapa kajian yang dilakukan oleh Campbell, Czaja, Diener, Hess dan Bradshaw, Hulleka, Nehrke, Morganti (dalam Leung & Leung , 1992) juga menunjukkan bahawa konsep sendiri adalah berhubungan dengan kepuasan hidup. Kajian Neto (1993) juga mendapati konsep sendiri adalah antara pembolehubah yang paling baik dalam meramal kepuasan hidup seseorang.

Korelasi konsep sendiri dan kepuasan hidup kebanyakannya adalah hanya berdasarkan kepada subjek-subjek dewasa sahaja (Mboya, 1989). Tambahan pula, kebanyakan penulisan mengenai remaja, kepuasan hidup dan konsep sendiri ini selalu dikaji secara berasingan. Oleh yang demikian dalam kajian ini, pengkaji berminat untuk melihat sama ada benar konsep sendiri mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kesejahteraan hidup atau tidak. Di samping itu dalam kajian ini juga boleh mengenalpasti jenis faktor dalam konsep sendiri seperti emosi, hubungan dengan keluarga, hubungan dengan rakan sebaya dan sebagainya yang boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup.

Objektif Kajian

Memandangkan konsep sendiri dan kesejahteraan hidup adalah penting bagi seseorang remaja, maka pengkaji ingin mengkaji perkara-perkara berikut:-

1. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja akhir yang bekerja dan yang belajar.
2. Melihat sama ada terdapat perbezaan konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja akhir dari segi jantina dan etnik yang berlainan.
3. Mengenalpasti hubungan di antara konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan remaja akhir tersebut..

Kepentingan Kajian

Memahami konsep sendiri dan kesejahteraan hidup remaja bekerja dan remaja belajar adalah penting. Menurut Cole dan Hall (1970) (dalam Alizarinah Ali, 1993), kesejahteraan hidup adalah satu keadaan emosi yang dapat mempengaruhi corak hidup individu. Individu yang berjaya menjalani dengan tenang, puas dan gembira jarang mempamerkan akhlak yang kurang baik. Sebaliknya, individu yang jarang mengalami ketenangan dalam hidup akan sentiasa berhadapan dengan rasa bersalah, gelisah, takut, bimbang, menyesal dan berkecenderungan marah tanpa sebarang sebab yang nyata. Jadi pengkaji berharap hasil kajian ini akan memberi beberapa sumbangan yang berfaedah.

Pengkaji berharap hasil kajian dapat digunakan oleh pihak tertentu seperti ibu bapa, pekerja-pekerja sosial, guru kaunseling dan sesiapa sahaja untuk mengenalpasti individu yang tidak gembira, sunyi tidak bahagia dan tidak mengalami kesejahteraan hidup akibat dari pembinaan konsep sendiri yang negatif. Kajian ini juga dapat membantu individu membuat penilaian ke atas diri mereka sendiri dan menganalisis sama ada mereka puas atau gembira terhadap kehidupan yang dialaminya.

Pengetahuan daripada hasil kajian juga akan memberi kesedaran kepada remaja dalam memahami diri mereka dengan lebih mendalam. Di samping itu boleh memberi galakan dan dorongan melalui beberapa saranan kepada remaja dalam pembinaan konsep sendiri yang positif dan tinggi. Dengan memiliki konsep sendiri yang sihat, diharap remaja ini boleh menyakinkan kepada masyarakat bahawa mereka merupakan golongan bakal pemimpin dan penggerak pembangunan negara.

Tambahan pula, kita dapat mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan konsep sendiri dan seterusnya mempengaruhi kesejahteraan hidup seseorang. Dengan ini, langkah-langkah yang sesuai boleh diambil oleh pihak-pihak tertentu seperti kaunselor, ibu bapa untuk membantu remaja supaya membentuk konsep sendiri yang positif. Ini menyebabkan mereka lebih yakin terhadap diri sendiri dan dapat menikmati hidup mereka.

Selain dari itu, kajian ini boleh menyedarkan ibu bapa dan guru mengenai kepentingan pembentukan konsep sendiri yang positif sejak mereka kecil lagi. Galakan dan sokongan harus diberikan kepada anak-anak bila mereka melakukan sesuatu. Dengan ini akan menyebabkan remaja memiliki konsep sendiri yang tinggi dan menjamin mereka mengalami kesejahteraan hidup yang positif.

Kajian ini juga penting untuk melihat konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di antara remaja bekerja dan remaja belajar. Kebanyakan orang mempunyai tanggapan bahawa remaja belajar yang mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi akan mempunyai konsep sendiri yang tinggi, positif dan lebih gembira dengan kehidupan mereka. Ini kerana peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi bukan boleh dicapai oleh sesiapa sahaja. Jadi pengkaji berharap melalui hasil kajian ini, kita dapat mengetahui persepsi remaja bekerja dan remaja belajar terhadap konsep sendiri dan kesejahteraan hidup .

Hasil kajian yang diperolehi juga boleh memperkuatkan lagi dapatan dari kajian luar dan dalam negeri yang menunjukkan betapa pentingnya seseorang remaja sepatutnya memiliki konsep sendiri yang positif supaya ia boleh menikmati hidup.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan kerana data hanya diambil dalam satu masa tertentu sahaja (Mohammad Najib, 1999). Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dijalankan di dua tempat yang berlainan iaitu di kampus induk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai dan kawasan perusahaan di Senai. Soal selidik Skala Penilaian Konsep Diri Pasao (SPKKP) telah digunakan untuk mengukur konsep sendiri. Kesejahteraan hidup pula diukur dengan soal selidik yang diubahsuakan dari kajian Linn dan McGranahan (1980).

Sampel Kajian

Remaja yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 120 orang. Antara 120 orang remaja, 60 orang pelajar dari UTM tahun pertama dan 60 orang dari pekerja kilang di Senai, Johor. Pemilihan sampel berdasarkan saranan yang dibuat oleh Gay, (1981), iaitu menggunakan sampel minimum 30 orang adalah memadai bagi sesuatu kumpulan yang digunakan dalam jenis kajian perbandingan sebab dan kajian korelasi. Bagi kajian ini, penyelidik telah mengambilkira hipotesis yang membandingkan dan menghubungkankaikatkan dua pembolehubah, maka persampelan bersebab boleh mewakili kumpulan tertentu sahaja iaitu minimum 60 remaja dalam kedua-dua kumpulan tersebut. Remaja bekerja dipilih dari operator-operator pengeluaran kilang. Remaja-remaja ini terdiri daripada ketiga-tiga kaum (Melayu, Cina dan India) dan juga lelaki dan perempuan.

Bagi tujuan pemilihan sampel semua remaja dipilih dari fakulti dan kilang dengan menggunakan kaedah persampelan bersebab. Malah cara pemilihan sampel ditentukan aspek-aspek seperti jantina, etnik, umur, tahap pendidikan, status dan pendapatan individu atau ibu bapa. Pemilihan ini adalah dilakukan dengan merujuk kepada senarai nama dalam rekod pendaftaran di tempat masing-masing.

Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan kerana mengikut Majid Konting (1993 : 202), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan faktor-fakta kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu:-

Bahagian A – Maklumat Latarbelakang Responden

Bahagian B – Pengukur Konsep Kendiri

Bahagian C – Pengukur Kesejahteraan Hidup

Kajian Rintis

Pengkaji telah menjalankan ujian rintis ke atas 10 orang pelajar iaitu 5 orang pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM dan 5 orang pekerja kilang yang berumur kurang dari 22 tahun. Pengkaji telah mendapatkan keesahan item soal selidik daripada penyelia sebagai melengkapkan proses pembinaan item. Kemudiannya kajian rintis dijalankan. Setelah dianalisis nilai alpha yang didapati ialah 0.859 bagi konsep kendiri dan 0.83 bagi kesejahteraan hidup.

Analisis Data

Jadual 1 menunjukkan taburan peratusan (item terpilih) bagi tahap konsep kendiri di kalangan remaja belajar dan bekerja (taburan peratusan keseluruhan item rujuk Lampiran B). Dalam jadual ini kebanyakan item menunjukkan purata min melebihi 3.00 . Item tertinggi yang menunjukkan peratusan yang tinggi seperti item 1 (4.28), 2 (4.46), 6 (4.56) , 16 (4.27), 23 (4.62) dan 30 (4.43) adalah lebih berkaitrapat dengan keyakinan kendiri, kawan dan keluarga. Ini menunjukkan responden terikat dengan persepsi diri yang tinggi dan bersaling rapat dengan orang rapat mereka tidak kira belajar ataupun bekerja. Manakala min terendah adalah item 36 (1.78), 13 (2.09) dan 43 (2.04). Ini menunjukkan remaja masih kini tidak sungguh mengambil kira terhadap emosi diri mereka apabila berhadapan suasana yang mencabar.

Jadual 1: Taburan peratus yang tinggi dan paling rendah bagi item yang terpilih bagi persoalan konsep kendiri

	Respon	TP	JJ	KK	K	SM	Min
BI	Kenyataan	%	%	%	%	%	%
1.	Saya sihat.	0.0	0.0	16.7	39.2	44.2	4.28
2	Saya berpakaian kemas.	0.0	0.0	6.7	40.5	52.5	4.46
6.	Keluarga saya mempunyai hubungan yang mesra.	1.7	2.5	5.8	18.3	71.7	4.56
13.	Saya membantah ibu bapa saya.	36.7	35.0	15.8	7.5	5.0	2.09
16.	Saya berbangga menjadi seorang pekerja / pelajar di dalam organisasi / universiti ini.	2.5	3.3	10.0	33.3	50.8	4.27
23.	Saya gembira bersama kawan sekelas / rakan sekerja.	0.8	11.7	45.8	40.8	0.8	4.62
30.	Saya berbangga dengan keluarga saya.	0.8	2.5	10.8	25.0	60.8	4.43
36.	Saya membenarkan diri saya cipermainkan (buli).	52.5	29.2	9.2	6.7	2.5	1.78
43.	Saya melakukan sesuatu dengan teliti.	0.8	0.0	17.5	57.5	24.2	2.04

TP:Tidak Pasti
JJ:Jarang-Jarang

KK:Kadanga-Kadang
K :Kerap Kali
SM: Sepanjang masa

Secara kasar jika di teliti dari kadar peratusan yang diperolehi dalam Jadual 4.8 didapati bahawa kebanyakan remaja akhir iaitu sebanyak 73 % daripada jumlah subjek kajian mempunyai konsep sendiri yang tinggi. Manakala 27 % mendapat skor konsep sendiri yang rendah. Jadi dapat disimpulkan subjek kajian yang dipilih adalah mempunyai konsep sendiri yang tinggi. Peratus subjek yang memperolehi skor tinggi dalam konsep sendiri melebihi skor rendah.

Jadual 2: Ringkasan Bilangan dan Peratusan Subjek Pada Dua Tahap Konsep Kendiri

TAHAP	N	%
Tinggi	87	73
Rendah	33	27

Perbincangan

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan konsep sendiri yang signifikan di antara remaja belajar dan remaja bekerja. Dapatan ini menunjukkan imej diri yang tiada beza sangat di antara kedua-dua tahap tersebut. Walaupun remaja bekerja berpendidikan sederhana namun mereka sudah membuat persediaan untuk menceburi dalam bidang pekerjaan apabila mereka tidak ingin melanjutkan pelajaran lagi. Ini sudah tentu menyebabkan mereka mempunyai konsep sendiri yang tinggi seperti remaja belajar kerana mereka memahami apa yang hendak mereka lakukan.

Terdapat banyak hasil kajian yang menunjukkan bahawa semakin kanak-kanak meningkat usianya, semakin bertambah bilangan ciri-ciri abstrak yang digunakannya untuk menyifatkan orang lain. Ciri-ciri ini akan kian lebih meliputi sifat-sifat luaran. Selanjutnya tulisan-tulisan Piaget dan pengkaji-pengkaji dari persepektif perkembangan kognitif telah menunjukkan bahawa pencapaian konsep-konsep tentang dunia fizikal berasaskan perkembangan kognitif, dan semakin seseorang itu menjadi matang, kognisinya mengenai dunia fizikal berubah menjadi lebih abstrak (Maznah & Susie See, 1991). Oleh itu, umur akan mempengaruhi konsep sendiri seseorang. Tetapi dalam kajian ini, pengkaji telah menghadkan antara 18-22 tahun sahaja iaitu mereka yang berada di peringkat akhir remaja yang dipilih. Justeru itu perbezaan umur yang ketara tidak wujud menyebabkan konsep sendiri remaja belajar dan remaja bekerja tidak jauh berbeza.

Mengikut Hurlock (1968), guru, adik-beradik, ibu bapa dan rakan sebaya boleh mempengaruhi perkembangan konsep sendiri seseorang individu. Jadi status remaja mungkin tidak mempengaruhi perbezaan konsep sendiri. Dalam kebanyakan hal, rakan sebaya lebih berpengaruh terutama mengenai cara berpakaian dan kegiatan di luar rumah. Ini semua akan mempengaruhi pembentukan imej sendiri remaja dan seterusnya mempengaruhi pembentukan konsep sendiri mereka.

Sebagai seorang yang telah menceburi dunia pekerjaan , seseorang perlulah boleh mengawal emosi supaya ia dapat menjalankan kerja dengan baik. Oleh kerana remaja bekerja telah membuat persediaan dalam menghadapi dunia pekerjaan, ini mungkin menyebabkan mereka mempunyai matlamat yang lebih tinggi berbanding dengan remaja belajar. Walaupun remaja belajar mempunyai pencapaian akademik lebih tinggi, namun mungkin ada yang tidak mempunyai matlamat yang jelas.

Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri di antara remaja lelaki dan remaja perempuan. Hasil kajian ini telah menyokong kajian Wong (1992). Pada pendapat Wong (1992), jantina tidak menyebabkan perbezaan konsep sendiri. Ini adalah kerana dalam zaman sains dan teknologi yang berkembang maju ini, remaja perempuan dan lelaki telah diberi pendedahan yang sama. Mereka mempunyai peluang-peluang pekerjaan dan pendidikan yang sama. Diskriminasi di kalangan jantina jarang berlaku. Kebanyakan wanita juga turut bersama menanggung beban di dalam keluarga. Pelajaran dan pekerjaan masa kini memainkan peranan penting dalam menentukan status mereka di dalam masyarakat dan keluarga. Dengan ini, remaja perempuan merasa perlu untuk mencapai kejayaan yang tinggi di dalam bidang pelajaran mahupun memperolehi pekerjaan supaya setanding dengan pencapaian remaja lelaki.

Oleh kerana pendedahan yang lebih luas kepada dunia luar, remaja perempuan pada masa kini mempunyai persepsi dan identiti yang lebih tinggi terhadap diri mereka. Remaja perempuan yang sering dikatakan dengan sifat lemah-lembut jarang wujud pada dekad ini. Ramai daripada mereka telah menjadi lebih aktif, agresif, cergas dan peka terhadap perkembangan dan perubahan masyarakat (Wong, 1992). Peluang ini boleh diperolehi dari pengalaman bekerja mahupun menerusi pembacaan.

Apabila melaksanakan sesuatu tugas, biasanya remaja lelaki mempunyai pendirian dan prinsip yang kukuh untuk menuju ke arah matlamat. Untuk menunjukkan sifat kelelakian, remaja lelaki akan lebih yakin terhadap diri sendiri. Ini disebabkan semasa kecil lagi, mereka telah ditanam nilai-nilai sebegini oleh ibu bapa iaitu sebagai lelaki mestilah tabah, yakin dan mempunyai matlamat. Budaya masyarakat timur selalu menganggap lelaki sebagai pemimpin dalam sesebuah rumahtangga. Oleh itu mereka telah diasuh supaya memiliki sifat sedemikian.

Hasil kajian juga tidak menyokong beberapa kajian lepas seperti kajian Healey dan De Blassie (1977), Seginer dan Flum (1987) yang mengatakan pelajar lelaki mempunyai konsep sendiri dan imej diri yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Sebab yang mungkin ialah budaya setiap negara adalah berlainan antara satu sama lain. Justeru itu, dapatan yang diperolehi juga akan berbeza.

Keputusan yang didapati tiada perbezaan konsep sendiri di antara etnik yang berlainan. Implikasi hasil kajian memberi satu petanda yang baik iaitu remaja di kalangan etnik yang berbeza mempunyai konsep sendiri yang hampir sama. Faktor utama yang boleh mempengaruhi keputusan kajian ialah sistem pendidikan yang seragam kepada semua etnik semasa dalam sekolah (Wong, 1992). Didapati kebanyakan remaja bekerja juga pernah memasuki sekolah menengah. Oleh kerana sistem pendidikan yang seragam, maka nilai dan budaya yang diterapkan adalah tidak jauh berbeza antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain. Menerusi penerapan dari segi pembelajaran, sosialisasi, pergaulan antara kedua-dua kelompok etnik, maka mereka boleh saling faham memahami antara satu sama lain dengan lebih mendalam lagi.

Seperti yang diketahui, setiap kelompok etnik mempunyai nilai budaya mereka masing-masing, tetapi disebabkan pengaruh luar terutamanya dari Barat melalui media massa seperti televisyen, filem, suratkhbar, majalah telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat Malaysia. Hasil daripada sebaran media komunikasi ini, ramai remaja tidak kira remaja bumiputra dan bukan bumiputra turut terpengaruh. Ini menyebabkan remaja bumiputra dulu yang memegang nilai-nilai lama yang tidak bersesuaian kini mempunyai sikap yang lebih terbuka, yakin, berdikari dan diberi kebebasan yang lebih banyak. Begitu juga bagi remaja bukan bumiputra.

Oleh itu, ciri-ciri personaliti yang ada pada remaja bumiputra dan bukan bumiputra adalah hampir sama.

Remaja masa kini merupakan golongan yang suka mengejar trend-trend baru tidak kira Melayu, Cina dan India. Bagi mereka apa yang penting ialah dapat mengikuti perubahan semasa. Sifat percontohan (modeling) mereka begitu hebat menyebabkan etnik yang berlainan saling tiru meniru corak hidup, cara pelaksanaan kerja dan sebagainya.

Namun demikian dalam kajian Rosli Hashim (1984), yang membuat perbandingan masalah yang dihadapi oleh remaja bekerja dan remaja belajar, didapati tiada perbezaan yang signifikan dalam masalah keseluruhan di antara remaja belajar dengan remaja bekerja. Maka ini mungkin menyebabkan kedua-dua golongan ini mengalami kesejahteraan hidup yang hampir serupa memandangkan masalah yang dihadapi tidak berbeza dengan ketara.

Rujukan

- Azizah Salleh. (1995). *Konsep Kendiri Remaja Lelaki Yang Ponteng Sekolah*. Satu Kajian Kes Di Sekolah Dato'Jaafar, Johor Bahru. Tesis B. Ed., Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.
- Brislin, R.W., (1970). *Back Translation For Cross-Cultural Research*. *Journal Of Cross-Cultural Psychology*, 1,158-216.
- Burns, R. B.,(1981). *The Self Concept : Theory, Measurement, Development And Behaviour*. London and New York : Longman.
- Chamberlian, K., (1988). *On The Structure Of Subjective Well Being*. *Social Indicator Research*. 19, 15-29.
- Diener, E., (1984). *Subjective Well Being*. *Psychological Bulletin*. 95 (3), 542-557.
- Faridah Ibrahim. (1987). *Konsep Kendiri Dan Interaksi Ibu Bapa Dari Keluarga Dwi Kerjaya Dan Satu Kerjaya*. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Jabatan Psikologi, UKM, Bangi.
- Fauziah Bt. Mohamad. (1990). *Konsep Kendiri Di Kalangan Remaja : Kaitannya Dengan Kaum, Aliran Dan Pencapaian Akademik*. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Jabatan Psikologi, UKM, Bangi.
- Garrison, K. K. & Garrison, D. C., (1975). *Adolescent Development And Change*. New Jersey : Yale University Press.
- Healey, G. W. & De Blassie, R. R., (1977). *A Comparison Of Negro, Anglo And Spanish-American Adolescents` Self-Concepts*. *Adolescence*. 9 (33), 15-24.
- Jersild, A. T., (1963). *The Psychology Of Adolescence*. Second Edition. London : The Mac Millan Company.
- Kerlinger, F. N., (1973). *Foundations Of Behavioral Research*. New York : Holt, Rinehart And Winston Inc.
- Leung, J. G. & Leung, K., (1992). *Life Satisfaction, Self-Concept, And Relationship With Parents In Adolescence*. *Journal of Youth And Adolescence*. 21(6), 635-665.
- Norata Bahari. (1987). *Waktu Remaja : Beberapa Masalah dan Penyelesaian*. Kertas Kerja Dibentangkan Di `Seminar Guru-guru Disiplin Atau Bimbingan, Daerah Hulu Langat` Pada 7 hb. April, 1987 Di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang.
- Pasao, M., (1963). *Pasao Self-Concept Rating Scale, Preliminary Manual*. University Of The Philippines.
- Powell, M., (1963). *Psychology Of Adolescence*. New York : The Bobs – Merrill Company Inc.

- Shavelson, R. J., Hubner, J. J. & Stanton, G. C., (1976). *Validation Of Construct Interpretations*. Review Of Educational Research. 46, 407-441.
- Shek, D. T. L., (1989). *Sex Differences In The Psychological Well-Being Of Chinese Adolescents*. The Journal Of Psychology. 123(4), 405-412.
- Turner, S. M. & Mo. L. L., (1984). Chinese Adolescent's Self-Concept As Measured By The Offer Self-Image Questionnaire. Journal of Youth And Adolescence. 13(20), 131-143.
- Vermunt, R. , Spaans, E. & Zorge, F., (1989). *Satisfactions, Happiness And Well Being Of Dutch Students*. Social Indicators Research. 21, 1-33.
- Watternberg, W.W. 1973. *The Adolescent Years*. New York : Harcourt. Berce Jovanovian Inc.
- Yamoor, C. M. & Mortimer, J. T., (1990). Age And Gender Differences In The Effects Of Employment On Adolescent Achievement And Well- Being. Youth & Society. 22(2), 225-240.
- Zonger, C. E., (1980). Self-Concept Differences Esteem, Single And Married School Age Mother. Journal Of Youth And Adolescence. 9(2), 175-183.